

Parah dikelar peragut

21/9/14 MSDF BH

» *Wanita diserang ketika mahu tutup pintu kereta*

Oleh Azlan Hafeedz
bhkb@bh.com.my

► Pasir Puteh

Seorang wanita yang baru selesai membeli telur, parah akibat dikelar pada tangan dan paha kanan dalam kejadian samun di Jalan Pasir Puteh-Kota Bharu, petang kelmarin.


Ketua Polis Daerah, Deputy Superintendan Mohd Kamal Zainal berkata, dalam kejadian pada jam 2 petang itu, Chong Bi Lai, 59, dikelar oleh seorang lelaki tidak dikenali dengan objek tajam sebaik keluar dari kedai menjual telur.

"Sebelum kejadian, mangsa meletakkan keretanya di depan sebuah kedai menjual telur di Jalan Pasir Puteh-Kota Bharu untuk membeli telur. Sobald selesai membeli telur, mangsa masuk semula ke dalam keretanya.

"Ketika hendak menutup pintu kereta, mangsa melihat ada sebuah kereta jenis Toyota Vios berwarna putih menghampirinya sebelum seorang lelaki tidak dikenali keluar dari kereta terbabit dan terus berjalan ke arahnya.

"Tiba-tiba lelaki terbabit terus mengelar bahagian atas tangan mangsa dan bahagian paha kanan menggunakan objek tajam," katanya di sini, semalam.

Mohd Kamal berkata, sebaik mencederakan mangsa, suspek cuba bertindak mengambil beg yang disangkut pada bahu kanan mangsa, namun wanita itu sempat melawan tetapi lelaki itu berjaya merampas beg berkenaan.



Bi Lai dibantu orang ramai yang parah selepas dikelar dalam kejadian samun di Pasir Puteh, semalam.